

05 SEP 2003

MAHATHIR-MSC/I

FASA KEDUA PEMBANGUNAN MSC DILANCAR

Oleh: Mohd Arshi Daud

CYBERJAYA, 5 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melancarkan fasa kedua pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Di majlis pelancaran yang diadakan ketika jamuan makan malam pada hari kedua mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC ke-7, di sini, perdana menteri berkata selepas lebih enam tahun projek MSC dilancarkan, MSC kini memasuki fasa kedua.

"Pada fasa kedua ini, kita perlu merancang yang cermat dan kita mungkin mahu MSC diperluaskan ke negara lain kerana apabila lebih ramai orang melibatkan diri, lebih baik lagi untuk kita.

"Saya percaya fasa kedua ini adalah sama penting dengan fasa pertama," katanya sambil memberitahu bahawa ketika mesyuarat hari pertama IAP semalam, para anggota panel itu telah memberikan banyak idea tentang bagaimana Malaysia boleh mendapat lebih banyak faedah daripada projek MSC di bawah fasa kedua ini.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir yang akan bersara sebagai perdana menteri bulan depan, juga berkata walaupun beliau tidak akan mempengerusikan mesyuarat IAP di masa depan, beliau akan mengikuti perkembangannya.

"Saya percaya walaupun tanpa saya, akan ada orang yang akan meneliti semua butiran rancangan masa depan MSC."

Beliau juga percaya projek MSC akan diteruskan dan akan dibuktikan bahawa walaupun jika ia tidak boleh menjadi satu lagi Lembah Silikon, ia akan menjadi "The MSC".

MSC, katanya, akan menjadi "satu kawasan yang istimewa bagi kita untuk pembangunan aplikasi teknologi maklumat".

MSC merupakan koridor khusus seluas 15km x 50km dari Menara Berkembar Petronas, menara tertinggi di dunia, di pusat bandar Kuala Lumpur di utara hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang di selatan.

Menerusi koridor ini, Malaysia berhasrat untuk menarik syarikat terkemuka dunia menempatkan operasi multimedia di negara ini, mengadakan penyelidikan, membangunkan produk dan teknologi baru, dan mengeksport produk dan perkhidmatan dari sini.

Setakat ini, terdapat lebih 900 syarikat berstatus MSC, di mana 59 daripadanya adalah syarikat bertaraf dunia. -- BERNAMA

MAD PK KTC JR